

Teori Konsep Kendiri Pandangan Barat

Azizi Yahaya

Teori Freud : Ego mempunyai punca daripada dinamik tidak sedar manakala konsep sendiri berpaksikan kesedaran dan pengalaman subjektif. Oleh itu teori Freud mengambil kira selain daripada kawalan sedar(konsep sendiri) mengaitkan naluri tidak sedar(id) tentang tingkahlaku.

Freud mementingkan naluri dan desakan tidak sedar (implicit) iaitu fungsi id seperti 'ego'. Ego (proses tanggapan dan berfikir) yang waras dan rasional. Freud kadangkala menganggap ego bermakna 'orang',imbangan psikik antara id dan superego atau kuasa di luar proses kognitif. Ego merujuk kepada teras sahsiah yang mengawal gerak balas dan didorong oleh id dan superego bersesuaian dengan kehendak reality. Freud mengutarakan teori topografikal yang membahagikan akal fikiran manusia kepada tiga lapisan yang berbeza. Ia membahagikan fikiran manusia kepada : a) alam sedar b) pra sedar dan c) tidak sedar.

Di dalam alam sedar, manusia memang menyedari dan dapat mengetahui apa yang telah berlaku dan sedang berlaku kepadanya dan kepada persekitarannya. Misalnya ; merasa sunyi, marah dan sebagainya.

Dalam alam sedar pula manusia hanya menyedari jika ia memberikan perhatian yang serius seperti mana kita tidak sedar bunyi jam atau jarum yang patah.

Alam tidak sedar pula ialah kita sememangnya tidak sedar apa yang berlaku dalam saraf kita. Seperti ramai orang nak bunuh diri kerana kemurungan akibat putus cinta atau + disebabkan penyakit yang tidak sembuh.

Untuk menjelaskan lagi teori ini maka Freud telah menggunakan teori structural iaitu beliau melihat fikiran manusia sebagai satu system yang mengandungi tiga system utama iaitu id, ego dan superego. Id adalah system asal yang terdapat dalam personality. Ia wujud sejak manusia dilahirkan kerana sifatnya sebagai system biologi. Manakala ego pula merupakan tenaga jiwa yang berasal dari id. Ia merupakan eksekutif yang mengawal personality seseorang itu. Ego wujud bagi memuaskan kehendak id dan bukan untuk mengahmpakannya. Superego bersifat idealistic dan sempurna. Superego berfungsi sebagai hakim dan menentukan ganjaran dan denda. Ia memujuk ego dan mengarah kepada kesempurnaan.